

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Tuesday, 19 May, 2020 11:47 AM
To: norazlinaabdjilil@gmail.com
Subject: Fw: Staf Universiti Jadi Sukarelawan Licin Ops Balik Kampung

Daripada: UUM CORPORATE COMM.
Dihantar: 08 Mei 2020 12:24
Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subjek: Staf Universiti Jadi Sukarelawan Licin Ops Balik Kampung



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

8 MEI 2020 / 15 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Masyitah Che Ishak dan Nurul Sahadar Che Nuh (Pelajar Pelatih dari SMMTC)
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil dan Abdul Halim Husain

STAF UNIVERSITI JADI SUKARELAWAN LICIN OPS BALIK KAMPUNG



UUM ONLINE: Hilang rasa penat pegawai pengiring (LO) universiti yang menyertai Ops Balik Kampung apabila melihat wajah-wajah gembira pelajar UUM selamat pulang ke pangkuan keluarga masing-masing sejak 28 April lalu.

Penolong Pendaftar, Shazilayanty Shahrom berkata, menjadi pegawai yang mengiringi kepulangan pelajar itu adalah satu pengalaman baharu sepanjang dia bertugas di UUM.

Menurutnya, dari situ, dia belajar cara menguruskan pelajar dan berkomunikasi dengan pemandu bagi kelancaran proses penghantaran tersebut.

Katanya, dia perlu memastikan semua penumpang termasuk pemandu di dalam bas mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan agar tiada penularan jangkitan Covid-19.

"Kepenatan yang dirasakan juga terus hilang apabila semua pelajar ini dapat berjumpa keluarga mereka dan meninggalkan kami dengan ucapan terima kasih.

"Pengalaman ini antara salah satu pengorbanan besar yang pernah dilakukan kerana dapat membantu semua pelajar bukan sahaja dari UUM, malah IPT lain untuk pulang ke rumah masing-masing dengan selamat," katanya dari Jabatan Pendaftaran.

Sementara itu, Ketua Pengurusan Acara, UUM Corporate Communication, Akmal Ahlami Md Rozai berkata, atas rasa tanggungjawab kepada universiti, dia tampil secara sukarela menjadi LO untuk membantu UUM melicinkan proses penghantaran pulang pelajar.

Menurutnya, penglibatan LO sepanjang tempoh penghantaran pelajar amat penting kerana melibatkan SOP oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Katanya, dia diamanahkan untuk memastikan pelajar mematuhi arahan dikeluarkan sepanjang perjalanan seperti penjarakan sosial di dalam bas, pemakaian *face mask* dan penggunaan *hand sanitizer*.

"Sebelum berlepas, semua LO diberikan taklimat tentang operasi ini dan tentatif pergerakan bas yang tersusun memerlukan pemantauan yang jelas dan teliti bagi mengelak masalah timbul.

"Usaha dan komitmen staf UUM ini adalah untuk memastikan inisiatif kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dapat dilaksanakan dengan sistematik dan berkesan," katanya yang juga Felo INASIS Bank Rakyat.

Bagi Felo INASIS TNB, Muhammad Noor Fitri Ahmad pula, menjadi seorang LO juga perlu patuh kepada SOP yang dikeluarkan KPT dengan menjalani saringan kesihatan dan mendapatkan cop kebenaran daripada polis kerana melibatkan perjalanan rentas negeri.

"Saya gembira kerana dapat menyumbang kepada universiti walaupun hanya menjadi pegawai pengiring supaya Ops Balik Kampung ini berjalan lancar.

"Pelajar yang balik ke kampung juga dinasihatkan agar tidak melupakan kelas secara atas talian (online learning) dan keluar rumah apabila perlu sahaja untuk mengelak daripada jangkitan virus Covid-19," katanya.

Pada Rabu lalu, seramai 562 pelajar UUM dan IPT lain dihantar pulang ke zon tengah melibatkan Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya dengan menggunakan perkhidmatan 39 bas.

Lagu 'Balik Kampung' nyanyian Allahyarham Sudirman Hj. Arshad mengiringi kepulangan pelajar-pelajar tersebut yang didendangkan oleh staf dan pelajar UUM yang masih berada di kampung.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.